

BAHASA MELAYU



 **PENGGOLONGAN KATA**
kata penegas

MOHAMED NAIM DAIPI

Melayu akan diterus
GENTAMAYA MOHAMED NAIM DAIPI
MND
Gegar-Gegar Senja
TUMPAS

Kata Prafrasa ialah perkataan yang terletak di hadapan frasa yang mendukung tugas-tugas tertentu bagi membuat penegasan, penafian, pemerian, penyendian, pembilangan, serta menunjukkan arah.

KATA SENDI NAMA **KATA BANTU** **KATA PENGUAT** **KATA PENEGAS** **KATA NAFI****KATA PEMERI****KATA ARAH****KATA BILANGAN****KATA ADVERBA**

Kata penegas atau partikel ialah kata yang memberi penekanan pada bahagian tertentu di dalam ayat.

1

Yang menegaskan frasa predikat atau bahagian-bahagiannya, contoh:
- **kah** - **tah** - **lah**

2

Yang menegaskan kedua-dua bahagian ayat: Contoh :
juga **jua** **pun** **hanya**
sahaja **lagi** **memang** **cuma**

4.1 -KAH

1. Siapakah pemenang peraduan adu bakat itu?
2. Apakah yang menarik hati anda untuk datang ke sini?
3. Pernahkah anda mengunjungi Pulau Sentosa yang indah itu?
4. Masihkah kamu menganggap saya ini saudara kamu?

4.2 -LAH

1. Dialah yang telah ditugaskan mengawal kelas ini.
2. Rumah sebandung itulah yang akan dibeli bapanya.
3. Penjenayah itulah yang meragut tas tangan saya.
4. Sayalah yang membuat dia bermuram durja.

4.3 -TAH

1. Apatah sebabnya dia menjauhkan dirinya daripada kita.
2. Siapatah gerangan yang berjaya mencuit hatinya.
3. Apatah daya kita untuk menolongnya.
4. Manatah perginya kakak saya itu?

4.4 JUGA / JUA

1. Kami juga berminat untuk menyertai peraduan adu bakat itu.
2. Mereka juga berniat untuk mengerjakan umrah pada cuti penggal ini.
3. Walaupun sakit, saya akan menghadiri majlis perpisahan juga.
4. Semuanya bergantung kepada restu ibu bapa juga.

4.5 PUN

1. Encik Abu pun masuk ke dalam pejabatnya.
2. Sesiapa pun tidak dibenarkan masuk ke pejabatnya.
3. Kalau mereka bersetuju tentang perkara, saya pun bersetuju jua.
4. Selepas menghadiri kelas tambahan itu, saya pun pulang ke rumah.

4.6 SAHAJA

1. Dia seorang sahaja yang belum menyerahkan borang penyertaannya.
2. Sesiapa sahaja yang melanggar peraturan akan menghadapi tindakan undang-undang.
3. Seminar bahasa itu boleh disertai oleh sesiapa sahaja.
4. Burung pungguk hanya keluar pada waktu malam sahaja.

4.7 LAGI

1. Tetamu terhormat Pesta Makanan itu belum tiba lagi.
2. Siapa lagi yang belum menyerahkan borang penyertaan itu?
3. Apa lagi yang dapat saya lakukan?
4. Usah lagi kamu perdayakan ibu bapa kamu sendiri.

4.8 MEMANG

1. Saya memang gemar nyanyian penyanyi rok itu.
2. Mereka memang suka menurut perasaan.
3. Budak itu memang pandai bermain beberapa alat muzik.
4. Dia memang tidak suka berdusta.

4.9 HANYA / CUMA

1. Dia hanya mendiamkan diri sahaja, walaupun telah digertak beberapa kali.
2. Cuma ayah saya sahaja yang tahu punca kejadian itu.
3. Hanya seorang sahaja yang hadir dalam kelas pemulihan itu.
4. Saya cuma menasihatinya, tidak lebih daripada itu.

TAMAT